

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SETEMPAT)

TARIKH: 01 APRIL 2018

MUKA SURAT: 37



Anggota bomba membantu mengeluarkan anak kucing yang terperangkap di atas bumbung sebuah rumah.

Mujur abang bomba ada!

BUKIT CHANDAN - Tugas anggota bomba bukanlah semata-mata memadamkan kebakaran mahupun menyelamatkan nyawa manusia sahaja kerana ia lebih daripada itu.

Semalam, sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kangsar berjaya menyelamatkan seekor anak kucing terperangkap atas bumbung sebuah rumah.

Ketua Operasinya, Shamsu Bahrin Abd Aziz berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan berhubung kes itu pada jam 10.35 pagi.

"Setibanya anggota di lokasi,

tuan rumah memberitahu terdapat seekor anak kucing berada di atas bumbung kediamannya.

"Anggota kemudiannya naik ke bumbung dan mendapati anak kucing itu terperangkap di salah satu bahagian bumbung rumah itu.

"Anggota kemudiannya mengeluarkan anak kucing berkenaan dengan berhati-hati sebelum membawanya turun," katanya.

Haiwan comel itu kemudiannya diserahkan kepada pemiliknya sebelum operasi ditamatkan sepenuhnya kira-kira 30 minit kemudian.